



اوتورسیتی ملیسیا فهیغ السلطان عبدالله
UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG
AL-SULTAN ABDULLAH

SURAT PEKELILING BENDAHARI BIL. 3 TAHUN 2025

Semua Dekan/ Ketua Jabatan
Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah

Assalamualaikum wrt.wbt.

YH./ YBhg./ YBrs./ Dato'/ Datin/ Profesor/ Prof. Madya/ Dr./ Tuan/ Puan,

PINDAAN PERATURAN DAN CAJ BULANAN KEMUDAHAN ALAT KOMUNIKASI MUDAH ALIH DI UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG AL-SULTAN ABDULLAH

1.0 PENDAHULUAN

Surat Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan Pindaan Peraturan Dan Caj Bulanan Kemudahan Alat Komunikasi Mudah Alih Di Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA).

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Kemudahan Alat Komunikasi Mudah Alih Di UMPSA adalah sebagaimana Pekeliling Bendahari Bil. 7 Tahun 2022 yang berkuatkuasa pada 8 Jun 2022 selepas kali terakhir disemak dan diluluskan oleh Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Kewangan (JTK) pada 23 September 2022;
- 2.2 Kementerian Kewangan melalui surat edaran pada 25 Mac 2025 menambahbaik peraturan mengenai kemudahan ini berkuatkuasa 1 Mac 2025 melalui Pekeliling

Perbendaharaan (PP) WP2.2: Peraturan Mengenai Kemudahan Alat Komunikasi Mudah Alih;

2.3 Penambahbaikan PP WP2.2 melibatkan:

- (i) Pindaan peraturan dan kadar caj bulanan;
- (ii) Penyeragaman dan penggelaran semula gred pegawai;
- (iii) Meminda susun atur syarat-syarat kemudahan dan caj bulanan;
- (iv) Penyusunan dan penambahan perenggan;
- (v) Pindaan format borang tuntutan;
- (vi) Penyeragaman format PP, dan

2.3 Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Kewangan Kali Ke-62 Bil. 2/2025 pada 4 Jun 2025 bersetuju meminda peraturan dan caj bulanan kemudahan alat komunikasi mudah alih di UMPSA selaras dengan surat edaran Kementerian Kewangan pada 25 Mac 2025.

3.0 PINDAAN PERATURAN KEMUDAHAN DAN CAJ BULANAN KEMUDAHAN

3.1 UMPSA mengekalkan Peraturan Kemudahan sebagaimana Pekeliling Bendahari Bil. 7 Tahun 2022 dan meminda caj bulanan berikut:

- (i) Caj bulanan bagi Gred 9-13 daripada RM100.00 dinaikkan kepada RM150.00;
- (ii) Caj bulanan untuk Juruiring/Pengiring Rapat/Pengawal Peribadi daripada RM50.00 dinaikkan kepada RM70.00; dan
- (iii) Caj bulanan yang lain adalah dikekalkan seperti Lampiran A.

3.2 Pindaan peraturan kemudahan adalah seperti berikut:

- (i) Pegawai tidak layak menuntut apa-apa caj yang berkaitan dengan perolehan/pembelian alat komunikasi mudah alih seperti berikut:
 - (a) bantuan pembelian alat komunikasi mudah alih yang baharu dalam tempoh dua (2) tahun sekiranya berlaku kerosakan/kehilangan disebabkan oleh kecuaiian Pegawai;
 - (b) bayaran pendahuluan pembelian alat komunikasi mudah alih;
 - (c) bayaran ansuran pembelian alat komunikasi mudah alih;

- (d) pakej alat komunikasi mudah alih bersekali dengan talian;
 - (e) insurans alat komunikasi mudah alih; dan
 - (f) caj pelanjutan waranti alat komunikasi mudah alih.
- (ii) Pembelian alat komunikasi bagi kegunaan rasmi Jabatan secara gunasama hendaklah mengikut keperluan dan tertakluk kepada peruntukan yang mencukupi termasuk hendaklah diluluskan oleh Bendahari UMPSA. Alat hendaklah didaftarkan dan diuruskan mengikut Tatacara Pengurusan Aset Alih;
- (iii) Bendahari UMPSA diberi kuasa meluluskan pembaikan kerosakan kepada Pegawai yang layak setelah berpuashati bahawa alat komunikasi tersebut mengalami kerosakan/kehilangan bukan disebabkan oleh kecuaiian Pegawai;
- (iv) Tuntutan bayaran balik caj bulanan dikemukakan dalam tempoh 30 hari daripada tarikh bil semasa.

3.3 Kemudahan komputer tablet termasuk aksesori sebanyak RM3,000.00 untuk pelantikan kali pertama kepada Lembaga Pengarah Universiti dan Pengurusan Tertinggi Universiti mengikut takrif Statut dan Perlembagaan Universiti dengan kemudahan penggantian setiap tiga(3) tahun tanpa syarat pembelian semula tablet sebelumnya.

4.0 TARIKH KUAT KUASA

Surat Pekeliling Bendahari ini adalah berkuat mulai **1 Julai 2025**.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“Teknologi Untuk Masyarakat”

Saya yang menjalankan amanah,


DATO' ZAINUDIN BIN OTHMAN

Bendahari / Ketua Pegawai Kewangan

Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah

Jumaat, 20 Jun 2025.

- Salinan kepada :
- 1) Naib Canselor
 - 2) Timbalan - Timbalan Naib Canselor
 - 3) Pendaftar / Ketua Pegawai Operasi
 - 4) Ketua Pustakawan
 - 5) Penasihat Undang-Undang

KEMUDAHAN ALAT KOMUNIKASI MUDAH ALIH DI UMPSA

A. KELAYAKAN

UMPSA menyediakan kemudahan bantuan pembelian sebuah alat komunikasi mudah alih termasuk aksesori untuk kegunaan rasmi, kepada pegawai berikut:

- (i) Pengurusan Tertinggi Universiti iaitu Naib Canselor, Timbalan-Timbalan Naib Canselor, Pendaftar, Bendahari, Ketua Pustakawan dan Pegawai Undang-Undang;
- (ii) Pegawai Gred Utama/Khas C hingga A dan setaraf serta Pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional (Akdemik) yang menyandang jawatan pentadbiran sebagai Penolong Naib Canselor/Ketua Jabatan/ Dekan/Pengarah;
- (iii) Pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional (Bukan Akademik) yang berada di gred hakiki Gred 13 dan ke atas;
- (iv) Pegawai Kumpulan Pengurusan & Profesional (Bukan Akademik) Gred 9 hingga 12 yang berkeperluan khas dengan syarat tugas mereka perlu membuat panggilan rasmi serta-merta;
- (v) Jururing/Pengiring Rapat/Pengawal Peribadi yang dikhaskan kepada Pengurusan Tertinggi Universiti dan pegawai lain yang layak disediakan dengan Jururing/Pengiring Rapat/Pengawal Peribadi;
- (vi) Setiausaha kepada Pengurusan Tertinggi Universiti;
- (vii) Pemandu Kereta Rasmi Jawatan kepada Pengurusan Tertinggi Universiti dan Pegawai Kumpulan Pengurusan Tertinggi Gred Utama B/ Khas A dan ke atas atau yang setaraf; dan
- (viii) Pengetua dan Felo Residen Pelajar.

KEMUDAHAN ALAT KOMUNIKASI MUDAH ALIH DI UMPSA

B. KADAR KELAYAKAN

Bil	Gred Pegawai	Kadar Kemudahan	Had Caj Bulanan	Kadar Pembelian Semula
1.	Pengurusan Tertinggi (Gred Utama/Khas C hingga A dan setaraf)	RM3000	RM350	RM100
2.	Pegawai Gred Utama/Khas C hingga A dan setaraf	RM2000	RM350	RM100
3.	Pegawai Gred 14 dan Gred 15 dan setaraf	RM1000	RM200	RM100
4.	Pegawai Gred 9 hingga 13 dan setaraf	RM750	RM150	RM75
5.	Jururing/Pengiring Rapat/Pengawal Peribadi	RM375	RM70	RM50
6.	Setiausaha kepada Pengurusan Tertinggi Universiti	RM375	RM50	RM50
7.	Pemandu Kereta Rasmi Jawatan	RM375	RM50	RM50
8.	Pengetua dan Felo Residen Pelajar	RM375	RM50	RM50

(Nota : Lampiran A hendaklah dibaca bersama Pekeliling Bendahari Bil. 7 Tahun 2022 dan pindaan-pindaan berkaitan)